

Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Proses Penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh Program Sarjana Muda Bidang Kimia di bawah Institut Kimia Malaysia [Surat Makluman MQA Bil. 19/2025 bertarikh 26 November 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. Jawatankuasa Teknikal Bersama (*Joint Technical Committee*, JTC) antara MQA dengan Institut Kimia Malaysia (IKM) telah ditubuhkan pada 15 Mei 2024 bertujuan meneliti dan memberi syor penilaian bagi permohonan akreditasi program pengajian bidang kimia dan program berkaitan kimia pada Tahap 6, MQF (Sarjana Muda) yang menjurus kepada profesion kimia.
- ii. Sehubungan itu, proses penilaian program di bawah bidang kimia dan program berkaitan kimia yang menjurus kepada profesion kimia dipertanggungjawabkan kepada IKM berdasarkan ketetapan berikut:
 - (i) Penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh bagi program baharu di bawah penilaian IKM yang diterima daripada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) berstatus Swaakreditasi **berkuat kuasa pada 1 Januari 2026**.
 - (ii) Bagi program PPT berstatus Swaakreditasi yang telah mendapat Akreditasi Penuh MQA, permohonan penilaian akreditasi semula perlu dikemukakan kepada IKM. **Tempoh transisi** penghantaran permohonan akreditasi secara berperingkat adalah selama lima tahun mulai **26 November 2025 sehingga 25 November 2030**.
- iii. Surat makluman berkaitan seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- iv. Fakulti Sains (FS) dan fakulti/sekolah lain yang berkaitan disaran mengemukakan permohonan akreditasi semula di bawah penilaian IKM dengan kadar segera melalui MQA yang akan melalui proses penilaian seperti dinyatakan dalam carta alir di Lampiran A dan menggunakan borang, fi perkhidmatan MQA serta format dokumen penilaian seperti di Lampiran B.
- v. Program bidang kimia dan program berkaitan kimia di peringkat Sarjana Muda yang menjurus kepada profesion kimia adalah tertakluk kepada pemakaian Standard Program: Kimia (2024) yang disediakan oleh IKM (www.ikm.org.my).
- vi. Bagi semakan semula kurikulum yang diselaraskan dengan keperluan Standard Program: Kimia, permohonan perlu dimajukan kepada IKM dan disalinkan kepada MQA dan Jabatan

Pendidikan Tinggi (JPT). Surat keputusan penilaian daripada IKM akan dikemukakan terus kepada PPT dan disalinkan kepada MQA dan JPT.

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
Tarikh Kemas Kini: 7 Disember 2025